

28/10/2002

Semangat patriotisme elak negara dijajah

MALAYSIA bakal menghadapi pelbagai cabaran dalam mengharungi matlamat menjadi negara maju menjelang 2020. Kini pun, negara menerima bahangnya apabila ada pihak yang mula mahu menjajah negara dan rakyatnya. Penjajahan dan penindasan dalam pelbagai bentuk ini mungkin disedari atau tidak oleh rakyat. Inilah cabaran berat yang perlu dihadapi dan ditangkis oleh seluruh rakyat Malaysia.

Dalam menghadapi cabaran itu, penawar dan ubat paling mujarab ialah semangat patriotisme di kalangan rakyat. Perdana Menteri sendiri mahukan rakyat mempunyai patriotisme dalam keadaan negara yang masih terdedah kepada kemungkinan dijajah semula, kali ini dalam bentuk ekonomi. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata 'penindasan ekonomi' itu mungkin dilakukan melalui proses globalisasi atau melalui beberapa kaedah lain.

Oleh itu, rakyat boleh mempunyai pendapat berbeza dalam politik, tetapi perlu mempunyai semangat patriotisme tinggi bagi mempertahankan negara daripada apa saja ancaman. Dengan semangat itu, dapat menangkis apa saja cubaan untuk memburuk-buruk atau menjejaskan imej negara. Hanya dengan semangat patriotisme tinggi dan tidak berbelah kepada negara, akan mengukuhkan kecintaan kepada negara.